



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SIM BAWA SUARA NELAYAN ISU PSR, NEGERI, SUARA KEADILAN -24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	KEMENTERIAN LEPAS TANGAN, UTARA, HAKAKAH -N18	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	PETANI BELI BENIH PADI HARGA MAHAL, UTARA, HAKAKAH -N18	LAIN-LAIN
4.	TINGKAT KEUPAYAAN SEKTOR PERTANIAN, MUKA SEPULUH, BH -10	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sim bawa suara nelayan isu PSR

PROJEK tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) dibimbangi akan memusnahkan ekologi marin dan menjejaskan pendapatan golongan nelayan, ujar Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (**gambar**).

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru menyatakan rasa tidak setuju kepada projek tersebut dan berkata beliau akan membawa suara para nelayan kepada kerajaan negeri Pulau Pinang.

“Sebagai timbalan menteri dan ahli parlimen Bayan Baru, saya ada tanggungjawab menjaga kebajikan pemegang taruh saya, iaitu para nelayan dan keluarga mereka,” katanya, memetik Malaysiakini.

Jelasnya, beliau merancang untuk bertemu pimpinan kerajaan negeri pada bulan Januari tahun depan bagi membawa suara para nelayan berkenaan projek tersebut.

Projek PSR dicadangkan kerajaan negeri Pulau Pinang bagi membiayai kos Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dianggarkan bernilai RM49 bilion untuk membendung masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini.

Pelaksanaannya membabitkan projek pembangunan tiga pulau buatan berkeluasan 1,700 hektar, yang dijangka mampu menyaingi Marina Bay di Singapura.

Dalam Konvensyen KEADILAN Negeri Pulau Pinang Oktober lalu, Presiden KEADILAN, Saudara Anwar Ibrahim menyuarakan keprihatinannya akan projek itu yang dijangka akan memberi kesan langsung kepada rakyat terutamanya orang Melayu yang membentuk majoriti di kawasan tersebut.



Isu kelewatan baja subsidi, benih padi Kementerian lepas tangan

Oleh SARINA ISMAIL

KUALA KEDAH: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) digesa segera bertindak mengatasi kelewatan bekalan baja subsidi yang berlarutan sehingga sekarang.

Pengerusi Lajnah Asas Tani, Nelayan dan Alam Sekitar PAS Pusat (LATAS) Dr Azman Ibrahim berkata, sikap kerajaan sekarang hanya menyalahkan pihak lain termasuk Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Katanya tidak rasional menyalahkan PPN atau PPK kerana sebelum ini tidak timbul masalah kelewatan bekalan baja dan benih padi seperti sekarang.



Dr Azman Ibrahim berucap pada program dialog bersama petani dan nelayan di Kuala Kedah.

"Kelewatan yang berlaku sekarang menjejaskan proses penanaman padi. Padi tidak dapat ditanam di luar musim.

"Hendak tukar lembaga pengarah NAFAS atau sebagainya itu tidak ada masalah kerana hak kerajaan yang memerintah

tetapi natijahnya perlu lebih baik daripada sebelumnya.

"Kalau keadaan menjadi semakin teruk, kena kaji semula dan cari apa puncanya," katanya pada program dialog bersama petani dan nelayan di Kuala Kedah Isnin lepas.

Petani beli benih padi harga mahal



Che Ani Md Zain menyerahkan memorandum kepada Dr Azman Ibrahim.

KUALA KEDAH: Aktiviti pukat tunda bukan sahaja menyusahkan nelayan pesisiran pantai malah menyebabkan kehilangan anak ikan dengan jumlah yang banyak.

Pengerusi Kebajikan Nelayan Pantai Malaysia, Che Ani Md Zain berkata, setiap satu kilogram tangkapan terdapat 92 ekor anak

"Kesemua anak ikan yang ditangkap hanya dijadikan ikan baja sahaja," pada majlis dialog di Padang Lalang, Anak Bukit Isnin lepas.

Majlis dialog anjuran PAS Kawasan Kuala Kedah itu dihadiri Pengerusi Lajnah Asas Tani, Nelayan dan Alam Sekitar (LATAS) PAS Pusat, Dr Azman Ibrahim, Pesuruhjaya PAS Kedah Ustaz Ahmad Yahaya, Pengerusi LATAS PAS Kedah, Mejar (B) Mansor Zakaria.

Selain itu Ketua Dewan Pemuda PAS Kedah Ustaz Nurul Amin Abd Hamid, Adun Ayer Hitam Azhar Zakaria, Yang Dipertua PAS Kuala Kedah Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin dan Pesuruhjaya PAS Perlis, Mohd Shukri Ramli.

Wakil NGO Padi Rescue Muslimah Mohd Radzi pula berharap

kerajaan mewujudkan kawalan subsidi harga benih padi dianggap tidak memihak kepada petani.

Katanya petani terpaksa membeli padi benih dengan harga mahal walau pun pembekal menerima harga subsidi.

"Sepatutnya benih padi dibekal kepada Persatuan Peladang Kawasan (PPK) untuk dijual kepada petani dengan harga subsidi," ujar beliau.

Seorang lagi petani mempertikaikan peranan MADA yang gagal berfungsi membantu petani.

Pada majlis itu Dr Azman yang juga anggota Exco Kerajaan Terengganu menyaran masalah dihadapi petani dan nelayan diajukan kepada kerajaan negeri melalui wakil rakyat yang boleh diketengahkan pada persidangan Dun.

Menurutnya juga antara usaha untuk menangani masalah kekurangan ikan dengan membina tukun dan unjan.

"Kerajaan Terengganu menyediakan peruntukan RM0.5 juta untuk projek membina tukun dan unjan di tempat sasaran," sambunginya.

Perlis tanam 1,000 pokok bakau

Oleh NOOR SARA MASHITOH

KANGAR: Bagi mengurangkan hakisan di pesisiran pantai Pulau Ketam, Kuala Perlis kerajaan menanam sebanyak 1,000 pokok bakau spesies bakau minyak dan bakau kurap.

Menteri Besar Dato' Seri Azlan Man berkata, pemuliharaan dan penanaman semula hutan paya bakau juga dapat menyelamatkan kepupusan populasi ketam nipah dan pelbagai spesies hidupan air tawar dalam jangka panjang.

"Kerajaan negeri akan memastikan kelompengan pesisiran Pulau Ketam diisi dengan pokok api-api dan bermacam selain pokok bakau," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Tree for A Tree di Hutan Simpan Pulau Ketam Sabtu lepas.

Menurutnya juga penanaman semula hutan paya bakau diharap

dapat mengatasi hakisan pantai akibat ombak dan angin kencang.

Kata beliau kerajaan negeri berusaha menanam pelbagai spesies pokok bakau bagi menutupi kelompengan di sepanjang pesisir

an pantai terbiat.

Program anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu turut mendapat kerjasama seramai 300 penduduk tempatan dan sukarelawan dari institusi pengajian tinggi.



Menteri Besar Perlis menanam pokok bakau pantai Pulau Ketam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/12/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

Tingkat keupayaan sektor pertanian

Pertanian dijangka menjadi sektor penting dalam usaha kerajaan membawa ekonomi negara ke peringkat seterusnya. Namun, syarat utama, pengeluaran perlu berskala ekonomi.

Contoh paling mudah adalah sektor padi dan beras. Walaupun Malaysia negara pengeluar, kita masih kalah dengan Vietnam dan Thailand dari segi pengurusan kos. Ini perlu dilihat kerana kos tinggi membebankan banyak pihak. Kerajaan terbeban melalui tanggungan subsidi tahunan, manakala petani terjejas dari segi keuntungan.

Lantas, kita setuju negara perlu memperbaharui komitmen dalam sektor pertanian. Bukan sahaja dalam sektor berkaitan padi dan beras, tetapi semua berkait rapat dengan kos sara hidup rakyat, termasuk perikanan. Lihat sahaja pasaran padi dan beras, Malaysia masih negara pengimport bersih, sedangkan potensi besar dimiliki untuk turut serta sebagai negara pengeksport komoditi itu.

Kita percaya banyak idea dan cadangan dikemukakan, namun penumpuan khusus perlu untuk komitmen berkaitan sektor pertanian. Sasarannya bukan sekadar meningkatkan potensi negara dan sektor berkaitan, tetapi lebih utama mengatasi ketidakupayaan memenuhi keperluan domestik negara, kerana ia berkait rapat kos sara hidup rakyat.